



GRADUAN, KASUT DAN NILAI DIRI....

Pada zaman sekolah rendah dan menengah dulu, kita diajar dan dididik agar sentiasa mematuhi peraturan, memakai pakaian seragam yang dibenarkan sahaja dan hadir sekolah tepat pada waktunya. Pelajar yang sedikit tersasar dan nakal, mencabar peraturan dan arahan pasti akan menerima 'hadiah' dari guru. Bukan untuk mendenda semata-mata tetapi mendidik agar sentiasa berada pada landasan yang betul. Ironinya, apabila zaman itu sudah berlalu dan laman sekolah kini diganti persekitaran kampus universiti, landasan yang ditunjuk dulu sudah semakin ditinggalkan. Semakin ramai yang enggan atau gagal mematuhi peraturan. Mereka beralasan bahawa kini sudah punya kebebasan melakukan apa sahaja malah menjaga tatasusila dianggap budaya lapuk yang menyesak....

Walaupun sudah ada 20 buah IPTA ditubuhkan di negara kita, peluang meneruskan pengajian di sesebuah IPT masih belum dinikmati oleh semua lulusan STPM dan Diploma. Saban tahun, puluhan ribu pelajar berebut-rebut mendapatkan peluang melanjutkan pengajian... dan sepanjang tempoh pengajian tiga hingga lima tahun itu pula tidak kurang

yang gagal sampai ke tahun akhir. Oleh itu, bagi seorang mahasiswa yang berjaya memenuhi syarat pengajian, hari penganugerahan ijazahnya atau majlis konvokesyen merupakan suatu majlis yang dinanti-nanti. Semua manusia normal yang menghargai dirinya serta mempunyai nilai diri yang baik tidak akan berpakaian seperti gelandangan pada hari dirinya dianugerahi gelaran yang diusahakan selama tiga, empat atau lima tahun itu... Di samping itu, ketertiban menghadiri majlis juga menunjukkan sejauh mana graduan mementingkan tanggapan atau penilaian orang lain terhadap mereka.

Namun demikian terdapat juga sebahagian kecil graduan yang seolah-olah menganggap apabila bergraduasi, mereka sudah memiliki lesen untuk berkelakuan sewenang-nya. Cerita graduan yang tersilap warna hud dan dipakai terbalik mungkin kesilapan-kesilapan kecil yang mampu kita ketawa dan mampu kita pingirkan kerana bukan saban hari mereka memakai busana akademik ini, mungkin ada yang hanya sekali seumur hidupnya.. Akan tetapi apabila seorang graduan berpakaian menjolok mata, gagal hadir mengikut ketetapan waktu majlis apatah lagi melangkaui masa perarakan ataupun menganggap harga sepasang kasutnya sebagai 'tiket' meniadakan peraturan majlis, seakan ada sesuatu yang 'tidak kena'. Para graduan berjalan 'lenggang kangkung' atau (meminjam istilah orang muda sekarang) 'muka selamba', ketika ahli-ahli perarakan besar sudah duduk di tempatnya seakan menidakan rasa hormat terhadap 'guru-guru' yang telah mencurahkan ilmu kepadanya serta secara tidak langsung mengikis rasa hormat orang lain kepada graduan itu sendiri... sedangkan menghargai waktu itu suatu nilai murni yang diterapkan dalam agama.

Mungkin tak perlulah dikupas lebih mendalam punca

ketidakboleh pasaran graduan, kegagalan mereka menghargai masa dan menghormati majlis saja sudah menampakkan 'kekurangan'.. Berdiri di depan kita ini adalah bakal pemimpin, kepimpinan bagaimanakah yang akan diterapkan mereka nanti pada organisasi jika mereka gagal menghormati majlis yang disusun atur berbulan-bulan lamanya untuk mereka sendiri?

Di mana silapnya apabila graduan bukan sahaja gagal memahami etika berpakaian di majlis yang dibuat khusus meraikan kejayaan mereka menggenggam ijazah? Apabila

disebut kasut formal, maka sepatutnya mereka memahami bahawa kasut sukan tidak dibenarkan di dalam majlis ini. Hendak dikatakan kekurangan wang untuk membeli sepasang kasut yang formal, tidak mungkin, kerana kasut yang tersarung di kaki mereka jauh lebih mahal dari harga sebuah buku kulit keras di perpustakaan....malah ada peristiwa di mana graduan dengan bangga mengangkat kaki di sua ke muka pegawai untuk menunjukkan kasutnya yang berjenama mahal itu semata-mata kerana ditegur kasut tersebut bukan

kasut formal yang diwajibkan dalam peraturan majlis.... Betapa riaknya graduan ini. Sebenarnya bukan harga atau jenama yang diutamakan sebaliknya kesesuaian kasut tersebut ke majlis yang dihadiri!

Mungkinkah graduan kita gagal memahami maksud sebenar nilai diri? Ataupun sudah keliru antara nilai diri dan harga material?...Harga diri seseorang itu bukan setakat terukur dengan harga busana yang tersarung pada tubuh. Secara idealnya, semakin tinggi tahap pendidikan yang diterima semakin bijak menentukan tindakan. Pendidikan sepatutnya memberikan kita kewajaran pertimbangan yang mana betul dan yang mana salah.

Saban tahun, majlis konvokesyen atau hari bergraduasi berlangsung dengan meriah, gemilang dan menjadi suatu pesta meraikan kejayaan mahasiswa mahasiswi yang bakal menyumbang ke arah pembangunan negara. Majlis konvokesyen adalah majlis rasmi yang mempunyai kod etika berpakaian sendiri. Busana akademik yang terdiri daripada jubah, mortar board (topi) dan hud dipakai sebagai tertib agar graduan kelihatan mempunyai nilai diri yang selayaknya. Bagi sebahagian graduan, konvokesyen itulah mungkin detik pertama dan terakhir mereka berbusana akademik. Esok, lusa belum tentu berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana mahupun doktor falsafah. Maka dizahirkan kesyukuran dan rasa bangga itu dengan tampil seanggun atau setampan mungkin dari hujung rambut hingga ke hujung kaki. Graduan yang hadir seperti ini jelas menghargai dirinya atau mempunyai nilai diri yang selayaknya dimiliki oleh calon pamacu pembangunan negara.

Gagalkah kita di IPTA untuk benar-benar melahirkan modal insan yang berupaya melihat antara garis hitam dan putih?

